Bil 2 | Julai 2017 - Disember 2018

# Buletin SWADD

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy



# Remaja Uswah Membina Qudwah

## Persidangan Remaja Uswah Kuala Lumpur 2018

6 September 2018 - SWADD dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Muallim Training Center (MTC) telah menganjurkan Persidangan Remaja USWAH Kuala Lumpur (USWAH) 2018 yang bertempat di Dewan Aminuddin Baki, Wisma Sejarah, Kuala Lumpur.

Persidangan yang julung-julung kalinya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 100 orang peserta daripada 12 buah sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur.

Kebanyakan peserta tingkatan 4 ini terdiri daripada kepimpinan pelajar di sekolah masing-masing. Tema "Remaja Uswah Membina Qudwah" ini telah diangkat untuk memastikan objektif persidangan ini iaitu menghimpunkan remaja muslim di Kuala Lumpur yang mempunyai bakat kepimpinan.

sambungan >> 10



### Menarik di dalam



Seminar Penghayatan Surah An-Nur >> 11

Ramadan Fest : Bulan Peningkatan Amalan >> 9

**PERHATIAN:** Hormatilah dan jagalah kemuliaan isi kandungan di dalam buletin ini. Elakkan daripada dibuang atau dibiarkan bertaburan di atas lantai.

# Setinta Emas

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمدلله رب العالمين، والصلاة والسلام على رسوله الكريم وعلى آله وأصحابه أجمعين



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan nikmatNya, Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan para tabi'in. Firman Allah SWT:

*"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran."* (Surah Al-Asr: Ayat 1-3)

Memulakan risalah ini, saya bersyukur kepada Allah SWT buat kali kedua SWADD dapat menerbitkan Buletin SWADD Julai 2017 – Disember 2018 untuk tatapan para jemaah sekalian. Sesungguhnya SWADD sebagai sebuah Surau Diri Jumaat yang menjadi sebahagian daripada ikon wakaf utama Malaysia iaitu Menara Imarah Wakaf atau Menara Bank Islam telah berusaha untuk menjalankan fungsinya bukan hanya sekadar sebagai tempat solat bahkan sebagai pusat pembangunan rohani, keilmuan dan kebajikan kepada para Jemaah dan masyarakat di tengah-tengah kota kosmopolitan termasuk melangkaui sempadan negeri dan negara. Aktiviti-aktiviti SWADD yang dianjurkan adalah bertujuan bagi memanjangkan manfaat wakaf (tauzi' al-Waqf) yang telah mula dipelopori oleh Al-marhum Ahmad Dawjee Dadabhoy yang telah mewakafkan tanah ini kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dengan bersumberkan kemurahan hati para jemaah yang menyumbangkan sumbangan khususnya setiap hari Jumaat dan sokongan pengurusan Bank Islam Malaysia Berhad, SWADD bukan sahaja dapat menyediakan fasiliti terbaik untuk keselesaan ibadah para jemaah; bahkan telah berjaya melaksanakan beberapa program berimpak tinggi dalam bulan Julai 2017 – Disember 2018. Antaranya mengambil berat mengenai pembentukan generasi pelapis kepimpinan dengan menganjurkan program Persidangan Remaja Uswah Kuala Lumpur dengan kerjasama Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. Persidangan ini telah mengumpulkan hampir 100 orang pemimpin-pemimpin pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Program-program lain juga telah disemarakkan dan diperincikan dalam buletin. Dari aspek tata kelola dana awam, sesungguhnya Buletin SWADD yang ulung ini adalah satu usaha pendedahan dan pelaporan (disclosure and reporting) pengurusan dana yang diamanahkan kepada Jawatankuasa SWADD oleh para jemaah.

Menutup bicara, saya mewakili seluruh Ahli Jawatankuasa dan Pegawai SWADD merakamkan sejuta penghargaan kepada seluruh jemaah SWADD atas sumbangan dan sokongan dalam mengimarahkan SWADD serta usaha-usaha pelebaran manfaatnya kepada ummah melampaui sempadan Jalan Perak di ibukota ini. Semoga amalan ikhlas ini akan dituai hasilnya di akhirat kelak dengan penuh kegembiraan.

**Haji Mohd Nazri Chik**
**Pengerusi SWADD**

سوراو وقف احمد داوجي دادابوي
SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
MENARA BANK ISLAM

## VISI SWADD

Menjadi sebagai Surau Jumaat contoh di dalam Wilayah Persekutuan dalam memberi khidmat kepada ummah

## MISI SWADD

1. Penghayatan Ibadah
2. Peningkatan Ilmu dan Dakwah
3. Prihatin Ummah
4. Fasiliti yang Efektif dan Kondusif


**Sidang redaksi**

**Penasihat**
Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
*Pengerusi SWADD*

Encik Azmir Abdul Malek
*AJK SWADD*

**Ketua Sidang Redaksi**
Ustaz Mohd Juzaili Juhan
*Setiausaha SWADD*

**Sidang Redaksi**
AbdulHadi Ab Rahman
Mohammad Syazwan Hamzah
Muhammad Nazrie Abdurrahim

**Grafik, Rekabentuk & Fotografi**
Yusof Assidiqqi Ahmad Sharkawi



Sebarang komen atau cadangan penambahbaikan sila hubungi :

Pejabat Pengurusan, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
Tingkat 15, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

03-2164 6318/6317
swaddmbi@gmail.com
Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
swadd_mbi
www.swadd.com.my

# CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA

## SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY 2018-2020



**PENGERUSI**
HAJI MOHD NAZRI CHIK



**SETIAUSAHA**
UST. MOHD JUZAILI JUHAN



**TIMB. PENGERUSI**
EN. ROSLI UMAR



**BENDAHARI**
UST. MOHAMAD FAIZ IBRAHIM

## AHLI JAWATANKUASA



PN. AZIZAH ABDUL AZIZ



EN. AZMIR ABDUL MALEK



UST. SAIFUL ANUAR HAMBALI



EN. AHMAD SUHAIMI HASSAN



EN. GAFOR MOHD NOR



PN. SURYATI ABU SUJAK



EN. MOHD RIZAL YAHYA

## PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM



USTAZ ABDULHADI AB RAHMAN



USTAZ MUHAMMAD SYAZWAN HAMZAH



USTAZ YUSOF ASSIDIQQI AHMAD SHARKAWI



ENCIK MUHAMMAD NAZRIE ABDURRAHIM

## NOJA



EN. MOHD SAIFUDDIN WAHAB

## PEMERIKSA KIRA-KIRA



EN. SYAHREL AZLEE ABDULLAH

PEJABAT PENGURUSAN SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
Tingkat 15, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur | Tel: 03-2164 6317 / 6318
▪ Email : info@swadd.com.my ▪ FB : Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy ▪ Website : www.swadd.com.my

# KRONOLOGI PENUBUHAN
## SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY, MENARA BANK ISLAM

### Perniagaan Abadi Tanpa Kerugian

Pada tahun 1940an, seorang hamba Allah, setelah berdekad merantau di dunia, memilih untuk menetap di Semenanjung Tanah Melayu.

Nama beliau ialah Ahmad Dawjee Dadabhoy, lahir pada 1907 di Gujerat, India. Beliau menceburi bidang perniagaan dan telah mengumpul kekayaan hartanah dan saham. Dari awal lagi beliau telah menginfaqkan hartanya dengan mewujudkan waqaf yang pada asalnya sebagai wakaf keluarga tetapi kemudiaannya dinamakan Al-Waqf Al-Islami Al-Aalamee. Suratcara penubuhan wakaf ini telah diedarkan pada tahun 1971.

Dengan penampilan serta gaya hidup yang sederhana, kediaman beliau sehingga akhir hayat hanyalah sebuat flat di Jalan Masjid India yang dipenuhi kitab-kitab serta majalah. Tiada siapa yang tahu warga tua yang sering kelihatan di warung-warung persekitaran merupakan seorang dermawan yang murah hati.

Allahyarham telah kembali ke Rahmatullah pada 24 Januari 1987, tanpa meninggalkan waris. Sebelum meninggal dunia, beliau telah menyatakan hajat beliau untuk memberikan wakaf beliau yang terdiri daripada beberapa harta benda dan juga tabung dana kepada pihak penguat kuasa agama. Semua ini akhirnya berjaya dicapai pada tahun 1994.

Harta wakaf Allahyarham yang terdiri daripada hartanah dan pegangan saham, kini ditadbir oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

### Pembangunan Tanah Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy.

Antara harta wakaf Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy ialah sebidang tanah bersebelahan di Jalan Perak, Kuala Lumpur, dengan keluasan 1.2 ekar. Selepas Perang Dunia Kedua, tanah ini merupakan kawasan banglo mewah. Dengan peredaran zaman, corak pembangunan di sekitar bertukar menjadi menara pejabat, hotel dan kawasan ini menjadi terkenal sebagai Segitiga Emas Kuala Lumpur.

Nilai kawasan ini semakin meningkat dengan pembangunan persekitaran yang pesat ditambah dengan terbinanya Menara Berkembar Petronas yang masyhur di persada dunia pada tahun 1996. Pada awal milenium, nilai harta wakaf tersebut sudah menjangkau lebih RM34 juta.

MAIWP, sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Wilayah Persekutuan, menyahut cabaran untuk membangunkan tanah wakaf am tersebut agar tidak ketinggalan sebagai medan letak kereta sahaja.

Cabaran terbesar ialah untuk mendapatkan modal pembangunan. Syarat tanah wakaf yang tidak boleh dijual dan dicagar menjadi kekangan kepada pelabur swasta dan institusi kewangan. Pemaju hartanah juga lebih cenderung kepada penjualan unit selepas dibina, supaya keuntungan cepat diperolehi.

### Perkongsian Pintar.

Kumpulan Syarikat TH Properties dengan asas kepakarannya dalam bidang pembinaan telah mengemukakan cadangan pembangunan dengan ciri-ciri berikut ;

- Bangunan pejabat kelas 'A' 34 tingkat dengan kos RM151 juta.
- Struktur pembiayaan "Build-Operate-Transfer"
- Pajakan 25 tahun
- Pulangan RM56.6 juta kepada MAIWP semasa tempoh pajakan
- Keseluruhan bayaran sewa menjadi milik MAIWP selepas tempoh pajakan.

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), berpandukan pengalamannya dalam bidang pembangunan dan pelaburan hartanah, memberi sokongan penuh terhadap cadangan ini dengan menawarkan pembiayaan 100% bagi pembangunan tersebut. Pelaburan ini bukan sahaja akan mendatangkan pulangan berkala berpanjangan untuk para pendeposit tetapi juga menepati salah satu misi Tabung Haji untuk memperkasakan ekonomi umat Islam.

Struktur projek ini dilengkapi dengan komitmen Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), yakni perintis perbankan Islam di Malaysia, sebagai penyewa utama. Bank Islam menjadikan bangunan ini sebagai ibu pejabatnya, sejajar dengan statusnya sebagai peneraju sistem kewangan Islam di Malaysia. Perjanjian Penyewaan antara Bank Islam dan Tabung Haji telah ditandatangani pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Tanah Wakaf yang telah disempurnakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 08 Jun 2007.

Satu perkongsian pintar telah diwujudkan antara keempat-empat organisasi Islam - pentadbir aset, pengurus dana, institusi kewangan dan pengurus projek, bagi memastikan penambahan nilai yang optima pada tanah wakaf tersebut dalam memberi manfaat kepada masyarakat Islam setempat. Sebagai pengiktirafan, MAIWP telah mendapat Anugerah Pembangunan Hartanah Wakaf Terbaik pada tahun 2009 untuk projek ini.

### Renungkan manfaat yang berpunca daripada amalan wakaf Allahyarham.

Sebuah mercu tanda kebanggaan umat Islam dibangunkan di pusat pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur. Hasil bangunan semasa tempoh pajakan, akan dinikmati oleh pendeposit Tabung Haji.
Sebahagian hasil bangunan semasa tempoh pajakan dan keseluruhannya hasil bangunan selepas tamat tempoh pajakan, dapat disalurkan oleh MAIWP bagi kerja-kerja kebajikan. Penggunaan bangunan wakaf sebagai ibu pejabat Bank Islam memainkan peranan dalam perkembangan industri perbankan Islam di samping mendorong amalan wakaf. Kemudahan tambahan bagi umat Islam setempat mengerjakan solat Jumaat di surau tersebut.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy dan menerima amalannya serta amalan kita dan membuka hati kita berbakti ke jalan Allah. Amin.











# Meraikan Jemaah Haji

## Majlis Meraikan bakal haji dan hajjah

27 Julai 2017 - SWADD sentiasa berusaha memberikan khidmat yang terbaik kepada para jemaahnya daripada pelbagai aspek. Buat julung-julung kalinya, SWADD telah meraikan para jemaah SWADD yang bakal menunaikan haji pada tahun ini.

Seramai 24 orang bakal haji dan hajjah telah diraikan oleh SWADD dalam satu majlis di ruang solat utama yang terdiri daripada kakitangan Menara Bank Islam, Menara Perak, Menara Hong Liong dan sekitar SWADD. Majlis ini adalah satu penghargaan kepada bakal haji dan hajjah kerana terpilih menjadi tetamu Allah ke Makkah Al-Mukarramah bagi menunaikan ibadah haji.

Pengerusi SWADD, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik dalam ucapannya menyebut, *"Pihak SWADD merakamkan ucapan tahniah kerana sebahagian daripada kita terpilih menjadi tetamu Allah bagi menunaikan haji pada tahun ini.*

*"Perjalanan Ibadah haji ini bukan hanya perjalanan ritual, memakai baju sahaja, bukan sahaja melakukan tawaf dan tahalul sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah kepada penghayatan yang ada disebaliknya dan mudah-mudahan dengan penghayatan tersebut akan mengubah diri kita menjadi lebih baik selepas melakukan ibadah haji tersebut seterusnya memperolehi haji yang mabrur."*

Di akhir majlis tersebut, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik berbesar hati menyampaikan sedikit sumbangan SWADD kepada bakal haji dan Puan Hajah Azizah Abd Aziz, AJK SWADD juga turut menyampaikan sumbangan SWADD kepada bakal hajjah.







# Berdakwah Sebahagian Daripada Sunnah

## Kursus Interaksi Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk-Siri 1 (KIND) 2017

29 Julai 2017 - Buat julung kalinya SWADD telah menganjurkan Kursus Interaksi Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk (KIND '17) Siri 1 yang berlangsung di Hotel Putra, Kuala Lumpur. Kursus yang berlangsung selama setengah hari ini telah disertai oleh 30 orang di kalangan jemaah SWADD serta pelajar institut pengajian tinggi. Kursus ini akan diadakan sebanyak 3 siri meliputi aspek teori dan praktikal.

Pengisi utama dan penceramah bagi kursus ini ialah Tuan Haji Kamarudin Abdullah yang merupakan Presiden Islamic Propagation Society International (IPSI) atau dikenali juga Pusat Penyebaran Islam Antarabangsa. Beliau adalah merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang dakwah terutamanya kepada non-muslim di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selama 30 tahun dan mendapat pengiktirafan daripada guru beliau Syeikh Ahmad Deedat dan Dr. Zakir Naik.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ustaz Haji Mohamad Faiz Ibrahim, Bendahari SWADD pada sebelah paginya. Dalam ucapannya, beliau menyebut *"Pada hari ini kita merancang untuk mengadakan dahulu Kursus Interaksi Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk siri yang pertama dan akan disusuli dengan dua siri yang selanjutnya pada masa akan datang. Dalam masa yang sama, cita-cita kami untuk mewujudkan pusat rujukan kefahaman islam di tengah-tengah KL dapat direalisasi pada masa akan datang."*

Sebanyak 2 kertas kerja telah dibentangkan oleh Tuan Haji Kamarudin, pertamanya "Dakwah Non Muslim: Hikmah dan Tuntutannya" yang menekan aspek kepentingan dan keperluan dalam dakwah non muslim berdasarkan contoh daripada sirah hidup Baginda Nabi SAW. Manakala kertas kerja kedua pula bertajuk "Salah Faham Terhadap Islam" menjelaskan kepada peserta tentang rintangan, halangan dan ujian yang berat akan dilalui oleh para pendakwah.

# Sumbangan SWADD

## Multaqa Pendakwah Muda Serantau 2017

11 September 2017 - SWADD diwakili oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi dan Ustaz Yusuf Assidiqqi Ahmad Sharkawi telah dijemput ke Majlis Perasmian Program Multaqa Pendakwah Muda Serantau (MUDA '17) di Hotel Bangi-Putrajaya sebagai wakil penaja utama dalam program ini.

Program ini adalah anjuran World Assembly of Muslim Youth (WAMY) dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Gabungan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (ACCIN). Ia telah berlangsung selama satu hari yang dihadiri oleh pendakwah muda di sekitar nusantara.



Ustaz Haji Mohd Nazri Chik telah menerima plak cenderahati daripada Prof. Emeritus Dato' Ir. Abang Abdullah Abang Ali, Wakil WAMY Asia Tenggara sebagai penghargaan atas kesudian SWADD menjadi penaja utama program MUDA '17 iaitu dengan sumbangan sebanyak RM10,000.00. Komitmen sumbangan SWADD ini adalah bertujuan untuk menyokong dan mendukung penuh apa jua bentuk program yang memberi manfaat serta impak dalam membangunkan masyarakat Islam khususnya generasi muda.



# Bantuan Persekolahan Pelajar Asnaf

## Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu, Kuala Lumpur 2017

16 November 2017- SWADD terus komited dan prihatin terhadap ummah menerusi penganjuran program Penyampaian Bantuan Persekolahan Pelajar Asnaf dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu.

Program ini merupakan kesinambungan daripada program yang telah dilaksanakan pada 2016 yang bertujuan untuk membantu para pelajar asnaf membuat persiapan bagi sesi persekolahan baru. Seramai 100 orang pelajar asnaf telah terpilih daripada tiga buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu, Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda dan Sekolah Pendidikan Khas.

Setiap pelajar telah menerima sumbangan dua set pakaian seragam sekolah, kasut, seluar sukan di samping satu set beg sekolah dan alat tulis. Sumbangan ini ditaja sepenuhnya oleh pihak SWADD bertujuan untuk mengagihkan manfaat waqaf kepada ummah melalui sumbangan para jemaah SWADD.

Puan Hajah Siti Zaini Idris,Guru Besar SK Kampung Bharu dalam ucapan aluannya menyatakan harapan yang tinggi kepada para pelajar agar menghargai pemberian orang ramai dan beliau mewakili pihak sekolah merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

*"Sumbangan bantuan persekolahan ini semua adalah hasil daripada sumbangan para jemaah SWADD yang tidak putus-putus menyumbang kepada SWADD. Sehubungan itu, pihak SWADD bertanggungjawab untuk memanjangkan sumbangan para jemaah sebagai amalan jariah mereka di akhirat nanti."* ujar Puan Siti Suryati Abu Sujak, Ahli Jawatankuasa SWADD dalam ucapan perasmian beliau.

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian plak SWADD kepada SK Kampung Bharu sebagai tanda perhargaan di atas kerjasama yang diberikan.




# Pelancaran Laman Web SWADD

### Sempena Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2017

23-24 November 2017- Laman web SWADD secara rasminya telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dr Asyraf Wajdi Dato' Dusuki di dalam Seminar Pembangunan Asnaf Serantau dan Karnival Usahawan Asnaf sempena Bulan Zakat Kebangsaan Tahun 2017 pada 23 November 2017 di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur. SWADD telah beroperasi sebagai sebuah Surau Jumaat dalam Menara Imarah Wakaf yang merupakan ikon wakaf nasional seterusnya prestasi SWADD adalah menjadi sebahagian daripada gerakan dan "milestone" pembangunan wakaf negara.

Pembangunan sebuah laman web interaktif ini membolehkan aktiviti-aktiviti SWADD dapat diakses oleh seluruh anggota masyarakat dan sekaligus berperanan sebagai alat pemasaran wakaf. Laman web ini sudah boleh dilayari di pautan www.swadd.com.my.

Video SWADD juga turut ditayangkan di dalam Seminar Kuasa Asnaf '17 yang bertemakan Memacu Kegemilangan Ummah ini dengan memaparkan misi, visi dan aktiviti SWADD untuk tatapan peserta seminar yang hadir. Video dan segala aktiviti SWADD ini telah dimuat naik dalam page FB SWADD untuk tontonan umum.

SWADD turut menaja beg seminar kepada para peserta. Buletin SWADD Bil. 1 Januari-Jun 2017 sebanyak 1000 naskhah yang merekodkan aktiviti-aktiviti SWADD yang disumberkan daripada derma ahli-ahli Jemaah juga telah diedarkan kepada peserta seminar manakala 1000 naskhah lagi diedarkan kepada Jemaah SWADD mulai 27 November lalu yang ditempatkan di ruang Solat Utama SWADD bahagian muslimin dan muslimat dan diedarkan juga ketika hari Jumaat.






# Mendidik Generasi Muda Berjaya

### Kem Super Muslim 2017

15 Disember 2017 - SWADD telah menganjurkan program sempena cuti sekolah akhir tahun iaitu Kem Super Muslim pada 12 hingga 15 Disember 2017 yang disertai oleh 17 orang anak-anak jemaah SWADD yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 17 tahun.

Pada kali ini, SWADD mencuba satu pendekatan baru iaitu program harian tanpa bermalam selama 4 hari bermula jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang bertempat di Dewan Utama, Tingkat 10, Menara Bank Islam, Kuala Lumpur. Perunding latihan CSQ Training & Consultancy yang bertanggungjawab mengendalikan kem ini menerapkan konsep "The Chosen One" kepada para peserta.

Konsep ini terdiri daripada pelbagai modul dan aktiviti menarik antaranya Brainstorming Isu Sosial, Solat Training Course, Run Against Time, Ice Breaking, sesi memanah serta slot parenting sekaligus memberikan pendedahan dan input yang sangat berguna kepada para peserta termasuk kepada ibu bapa. Modul-modul ini dipimpin oleh Ustaz Amir Mohamad Ahmad Tajudin selaku Jurulatih Motivasi Remaja CSQ Training & Consultancy.











Majlis persamian penutup disempurnakan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD merangkap Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad.

*"Yang paling utama sekali di zaman Islam tercabar ini, masa depan berada di dalam tangan kita (kelompok muda), kita yang akan menentukan masa depan ummah samada Islam menjadi hebat atau Islam dihina dan halatuju masyarakat, semua itu terletak di tangan kita. Jika kita tidak bertindak, maka kita akan tetap tinggal di lembah."* Demikian petikan ucapan perasmian oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati beserta sijil penyertaan kepada para peserta. Beliau juga turut menyampaikan plak cenderahati SWADD kepada Ustaz Amir Mohamad Ahmad Tajudin selaku wakil CSQ Training & Consultancy kerana berjaya mengendalikan kem cuti sekolah ini.

# Isu-isu Solat Pesakit & Musafir

## Seminar Penghayatan Surah Al-Fatihah & Solat (FALAH 2.0) 2018

10 Mac 2018 - SWADD telah berjaya menganjurkan program Seminar Penghayatan Surah Al-Fatihah & Solat 2018 (FALAH 2.0) dengan kerjasama Masjid Asy-Syakirin KLCC dan PNB Perdana On The Park Kuala Lumpur. Seminar yang berlangsung di Dewan Seminar Pearl, PNB Perdana On The Park Kuala Lumpur ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kalangan jemaah dan orang awam. Seramai 100 peserta telah berdaftar dan menyertai seminar ini yang mengupas tajuk mengenai surah Al-Fatihah dan solat dengan menumpukan kepada pengkhususan tajuk tertentu. Sebanyak tiga slot pembentangan kertas kerja telah dibentang di dalam seminar FALAH 2.0 kali ini.

Slot pembentangan kertas kerja dimulakan dengan tajuk "Panduan Solat Bagi Pesakit" yang dibentangkan oleh Ustaz Dr Mohammad Nizam Abdul Kadir. Antara isi utama yang ditekankan oleh Ustaz Dr Mohammad Nizam adalah berkenaan cara dan kaedah solat yang perlu dilaksanakan oleh pesakit ketika berada dalam situasi tertentu ketika sakit.

Pada sesi kedua, para peserta didedahkan mengenai "Solat Jama', Qasar dan Dalam Permusafiran" yang disampaikan oleh Ustaz Firdaus Subhi. Beliau telah menerangkan pelbagai perkara yang perlu diambil perhatian oleh para peserta sebagai panduan dalam melaksanakan Solat Jama dan Qasar. Peserta sangat teruja dengan menumpukan sepenuh perhatian atas penyampaian yang diberikan oleh beliau dan memberikan pelbagai pertanyaan untuk merungkai permasalahan berkaitan.

Sesi pembentangan ketiga sebelah petang dirancakkan lagi oleh Ustaz Raihan Abd Aziz dari Shubbak Alami Sdn Bhd. Beliau telah menunjukkan cara bacaan Al-Fatihah yang betul melalui kertas kerja yang bertajuk "Tahsin Al-Fatihah Menggunakan Kaedah Bacaan Qiraat Asim Riwayat Hafs-Toriq Al-Syatibi". Lantunan suara beliau yang jelas telah memberi galakan kepada para peserta untuk memperbaiki bacaan Al-Fatihah dan mengenalpasti tempat-tempat kebiasaan yang menjadi kesalahan ramai.

Majlis penutupan seminar FALAH 2.0 telah disempurnakan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, yang merupakan Pengerusi SWADD. Turut hadir sebagai tetamu kehormat dalam majlis penutupan ini ialah Tuan Zaid Jamaludin, Ketua Bahagian Pemasaran dan Komunikasi PNB Perdana On The Park Kuala Lumpur dan Ustaz Ahmad Rosidi Mohmad, Ketua Imam Masjid Asy-Syakirin Kuala Lumpur.

Di dalam ucapan perasmian, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik mengucapkan tahniah kepada para peserta kerana dapat menghadiri seminar FALAH 2.0 ini walaupun tajuk yang dibincangkan ini nampak asas, tetapi diambil berat oleh para peserta. Tambah beliau lagi, program seperti ini adalah merupakan sebahagian daripada Tauzi' al-Waqfi iaitu pengagihan manfaat daripada Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy kepada jemaah dan masyarakat.

"*Seminar yang dilaksanakan ini merupakan sebahagian amanah dan tanggungjawab kepada kami Jawatankuasa SWADD untuk mengembalikan manfaat kepada para Jemaah*", demikian petikan ucapan Ustaz Haji Mohd Nazri Chik. Majlis perasmian penutup diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati. Pengerusi SWADD telah menyampaikan cenderahati kepada PNB Perdana dan Masjid Asy-Syakirin sebagai tanda penghargaan atas kerjasama yang dijalinkan. Pihak PNB Perdana dan Masjid Asy-Syakirin turut tidak melepaskan peluang untuk saling menyampaikan cenderahati kepada rakan-rakan penganjur atas kerjasama strategik yang telah dijalinkan. Diharapkan program seperti ini dapat dilaksanakan lagi untuk masa akan datang.

















# Ramadan Bulan Peningkatan Amalan

## Ramadan Fest @Menara Bank Islam 2018

18 Mei-14 Jun 2018 - Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) telah berjaya menganjurkan Ramadan Fest@SWADD 2018 yang diadakan sepanjang bulan Ramadan bagi menyemarakkan penghayatan bulan mulia ini. Pelbagai aktiviti telah disusun dan dijalankan bagi manfaat para jemaah antaranya ialah kuliah sebelum iftar, bacaan tahlil jamuan iftar (berbuka puasa), solat sunat tarawih, jamuan moreh. Program rasmi tahunan yang dilaksanakan ini menjadi antara tempat tumpuan orang ramai untuk berbuka puasa di sini sama ada di kalangan orang tempatan mahupun pelancong luar.

Beliau merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua jemaah yang telah menghulurkan sumbangan kepada SWADD dan manfaat tersebut telah dikongsikan kepada jemaah melalui pengisian program Ramadan Fest dan program-program lain. Beliau telah menurunkan tandatangan pada bunting Ramadan serta memasukkan sampul ke dalam tabung Sadaqah House sebagai gimik pelancaran.

Selain itu, kuliah iftar dan bacaan tahlil yang dijalankan di dewan solat utama sebelum waktu berbuka turut menghidupkan Majlis Berbuka Puasa SWADD dengan perkongsian ilmu agama oleh pegawai-pegawai Syariah Bank Islam dan pegawai-pegawai SWADD melalui kupasan tajuk-tajuk yang menarik bagi memberi motivasi kepada jemaah untuk istiqamah dengan ibadah di bulan Ramadan. Seperti tahun-tahun yang lalu, Kuliah Zuhur Ambang Ramadan turut diadakan seminggu sebelum bermulanya Ramadan antaranya Kuliah Perdana yang bertajuk "Countdown Ramadan" disampaikan oleh Ustaz Syed Norhisyam Tuan Padang. Beliau telah menghuraikan mengenai persediaan menghadapi ibadah di bulan Ramadan, hukum-hukam serta kelebihannya

Menariknya pada tahun ini, Tabung Sadaqa House Bank Islam@SWADD turut dilancarkan semasa Majlis Perasmian Ramadan Fest yang disempurnakan oleh Y.Bhg. Ustaz Haji Mohd Nazri Chik pada 11 Mei 2018. Sebelum itu, Ustaz Haji Mohd Nazri telah menyampaikan kuliah jumaat merangkap ucapan perasmian berkisar mengenai kepentingan dan kelebihan sedekah.

Majlis berbuka puasa yang diadakan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat di dataran Menara Bank Islam merupakan acara yang mendapat sambutan yang hebat. Majlis ini adalah merupakan tajaan SWADD dan Bank Islam di samping terdapat juga syarikat-syarikat sekitar dan individu-individu yang menyumbang bagi menyajikan juadah berbuka puasa secara percuma kepada 500 orang tetamu terdiri daripada pekerja-pekerja pejabat sekitar Menara Bank Islam, pemandu teksi, pekerja buruh dan gelandangan.

Para jemaah berpuas hati dan memuji mengenai majlis berbuka puasa anjuran SWADD dan Bank Islam kerana sedikit sebanyak membantu semua lapisan masyarakat. Dewan solat utama SWADD terus diimarahkan lagi dengan solat sunat tarawih yang dipimpin oleh pegawai SWADD dan Imam Ratib SWADD. Seramai 100 orang jemaah muslimin dan muslimat telah hadir memeriahkan SWADD pada sebelah malamnya. Setelah selesai solat tarawih dan witir jemaah disajikan dengan jamuan moreh. Semoga dengan Ramadan Fest@SWADD 2018 ini dapat memberikan banyak manfaat dan ruang kepada para jemaah khususnya warga kota bagi mengisi dan menghidupkan Ramadan dengan ibadah walaupun sibuk dengan kerjaya.








عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم

(من صام رمضان إيماناً واحتساباً،
غُفر له ما تقدم من ذنبه)

رواه الشيخان

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW telah bersabda :

"Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan,
dengan penuh keimanan dan pengharapan,
maka diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu"

Riwayat Imam al Bukhari & Muslim

# Remaja Uswah, Membina Qudwah

## Persidangan Remaja Uswah Kuala Lumpur 2018

*Sambungan daripada mukasurat 1*

Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan telah menyampaikan ucaptama yang bertajuk "Remaja Uswah Membina Qudwah" bagi pembukaan persidangan. Beliau telah menyatakan beberapa ciri-ciri kepimpinan yang baik, antaranya ialah seorang pemimpin mesti pandai menyusun masa dengan baik dan gunakan kualiti masa yang ada.

Ceramah kedua pula telah disampaikan oleh Daieyah Nor Adibah Rozain yang merupakan juara Daie Milenia TV3 musim pertama. Beliau telah menyampaikan ceramah yang bertajuk "Membina Jatidiri Mengharungi Cabaran" , manakala Ustaz Izzat Fathi Hisham, Finalis Pencetus Ummah musim ke 4 pula telah menyampaikan ceramah yang ketiga bertajuk "Peranan Remaja Terhadap Ummah".

Persidangan diteruskan dengan Latihan Dalam Kumpulan yang dikendalikan oleh pihak MTC. Peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan. LDK ini berfungsi untuk melihat sejauh mana kefahaman peserta terhadap pengisian yang diberikan. Sekaligus menjadi ruang untuk fasilitator memperbetulkan kefahaman peserta sekiranya ada yang silap.

Pada sebelah petang , program diteruskan dengan slot forum yang bertajuk "Ciri-ciri Kepimpinan Islam" yang dikupas oleh beberapa orang ahli panel jemputan khas. Ahli panel forum terdiri daripada Ustaz Mohd Zikri Mohd Shairy (Pengurus Kanan, Bahagian Syariah, Bank Islam), Ustaz Hanafiah Abdul Malek (Panelis Tanyalah Ustaz TV9), dan dikendalikan oleh Imam Muda Fakhrul.

Program diteruskan lagi dengan slot resolusi program. Slot resolusi ini melibatkan ketua daripada setiap kumpulan dibantu oleh ketua fasilitator daripada pihak MTC berbincang 5 resolusi program yang perlu dipersetujui dan didokong bersama oleh peserta selepas program. Hasil daripada perbincangan melibatkan wakil setiap kumpulan, terdapat 5 resolusi program yang berjaya disenaraikan. Salah satu resolusi program yang berjaya dilaksanakan ialah penubuhan Kelab Remaja USWAH Kuala Lumpur.

Majlis penutupan seminar FALAH 2.0 telah disempurnakan oleh Ustaz Abdul Aziz Disa, Pengarah Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. Turut hadir dalam majlis penutupan ini ialah Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Setiausaha SWADD.

Di dalam ucapan perasmian, Ustaz Abdul Aziz Disa mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak penganjur dan para peserta yang telah berjaya menyertai persidangan kali ini. Beliau mengharapkan agar program seperti ini akan dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

Program berakhir dengan perasmian Kelab Remaja Uswah Kuala Lumpur 2018 yang telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd Juzaili Juhan dan penyampaian hadiah kepada kumpulan yang terbaik serta cenderahati kepada para jemputan yang hadir.




















# Dhuyuf Ar-Rahman Dirai

## Keraian bakal haji dan hajjah 2018/1439H

24 Julai 2018 - SWADD telah mengadakan Majlis Keraian Bakal Hujjaj 1439H dengan kerjasama Kelab Bank Islam Ibu Pejabat. Seramai 27 orang bakal haji dan hajjah yang terdiri daripada kakitangan Bank Islam FPSO Ventures, Bumi Armada, Kuwait Finance House dan pejabat sekitar Jalan Perak telah diraikan. Majlis yang diadakan di Ruang Solat Utama ini adalah sebagai satu penghargaan kepada bakal jemaah haji di samping berkongsi kegembiraan kerana terpilih sebagai tetamu Allah untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima.

Majlis kali ini diserikan lagi dengan kehadiran Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri sebagai tetamu kehormat merangkap penceramah kuliah zohor khas, bertajuk "Ibrah Sebagai Tetamu Haramain", Sahibus Samahah Mufti menyatakan; "Mereka yang dapat mengerjakan ibadah haji ini merupakan insan yang terpilih oleh Allah SWT sebagai Dhuyuf Al-Rahman iaitu Tetamu Allah Yang Maha Pengasih. Ibadah haji ini adalah satu ibadah yang menuntut kepada penyucian jiwa daripada sifat mazmumah zahir dan batin di samping juga memberi ruang dan peluang kepada manusia untuk memberi tumpuan sepenuhnya dalam beribadah dan memohon keampunan Allah SWT."

Turut hadir ke majlis ini ialah Encik Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, Ketua Pegawai Operasi Bank Islam, Encik Faisal Ja'afar, Pengerusi Kelab Bank Islam Pusat dan Encik Mohd Izhar Pawanchek, Pengerusi Kelab Bank Islam Ibu Pejabat. Majlis penyampaian cenderahati kepada bakal hujjaj disampaikan oleh Puan Hajah Azizah Abd Aziz, Ahli Jawatankuasa SWADD kepada bakal hajah, manakala Ustaz Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD kepada kakitangan Bank Islam serta kemuncaknya disempurnakan oleh Sahibus Samahah Dato' Mufti kepada bakal haji di kalangan jemaah SWADD seterusnya diakhiri dengan bacaan doa selamat.










# Surah An Nur : Panduan dan Jawapan Kehidupan

## Seminar Penghayatan Surah An-Nur 2018

27 Oktober 2018 - SWADD telah berjaya menganjurkan program Seminar Penghayatan Surah An Nur dengan kerjasama Masjid Al Bukhary, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur. Seminar yang berlangsung di Dewan Serbaguna Masjid Al Bukhary ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kalangan jemaah dan orang awam dengan penyertaan seramai 125 peserta. Sebanyak tiga slot pembentangan kertas kerja telah dibentang di dalam seminar kali ini yang turut dihadiri oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan sebagai penyampai ucaptama.



Antara tajuk pembentangan ialah "Surah An Nur: Penyelesaian Kepada Masalah Sosial dan Akhlak" yang dibentangkan oleh Ustazah Dr Najah Nadiah Amran dari Fakulti Pengajian Islam UKM, "Surah An Nur: Meneropong Alam Semesta" yang disampaikan oleh Dr Zuraidah Zan dari Pusat Penyelidikan Rangkaian Fotonik & Wayarles (WIPNET), UPM dan "Surah An Nur: Penyelesaian Konflik Rumahtangga dan Pendidikan Anak-anak" yang dihuraikan oleh Ustaz Hanafiah Abdul Malek, pendakwah.

Majlis perasmian seminar Surah An Nur ini telah disempurnakan oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan. "Saidina Umar bin Al Khattab ketika mana menulis surat kepada Gabenor Kufah supaya memberi penekanan khusus kepada fokus pembelajaran Surah An Nur ini, kerana Surah ini merupakan jawapan kepada segala kehidupan manusia", demikian petikan ucapan beliau. Majlis perasmian diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati. Pengerusi SWADD, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik telah menyampaikan cenderahati kepada Masjid Al Bukhary sebagai tanda penghargaan atas kerjasama yang dijalinkan. Masjid Al Bukhary turut tidak melepaskan peluang untuk saling menyampaikan cenderahati kepada Pengerusi SWADD atas kerjasama strategik yang telah dijalinkan.







# Menyantuni Pelajar Asnaf

## Sekolah Rendah Agama Jalan Raja Muda, Kampung Bharu Kuala Lumpur 2018

13 November 2018- SWADD terus komited dalam membantu para pelajar asnaf di sekitar ibukota bagi persiapan untuk menghadapi musim persekolahan yang baru tahun hadapan. Pada tahun ini SWADD telah bekerjasama dengan Sekolah Rendah Agama Jalan Raja Muda, Kampung Bharu mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Pelajar Asnaf.

Program yang berlangsung di Dewan Raja Muda Musa telah dimeriahkan dengan kehadiran ibubapa, para pelajar dan para guru. Majlis ini telah disempurnakan oleh Haji Ahmad Suhaimi Hassan, Ahli Jawatankuasa SWADD. Turut hadir ialah Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Setiausaha SWADD.

Program yang saban tahun dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk membantu para pelajar asnaf membuat persiapan persekolahan tahun hadapan dari segi aspek pakaian sekolah dan alat pembelajaran. Seramai 100 orang yang terpilih yang terdiri daripada 45 orang pelajar lelaki dan 55 orang pelajar perempuan.

Setiap pelajar telah menerima bantuan berupa dua set pakaian sekolah agama, dua pasang kasut, satu beg sekolah dan satu set lengkap alat tulis.

Dalam ucapan perasmian Haji Ahmad Suhaimi menyebutkan bahawa program bantuan persekolahan ini adalah acara tahunan yang dilaksanakan oleh SWADD.










Sumbangan ini hasil daripada derma dan infaq para jemaah SWADD yang tidak putus-putus menyumbang kepada SWADD. Beliau menyatakan lagi, pihak SWADD berharap para pelajar dapat menggunakan segala sumbangan ini dengan sebaiknya dan belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya dengan cemerlang.

Selesai majlis perasmian, Haji Ahmad Suhaimi Hassan dan Ustaz Mohd Juzaili Juhan berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan bantuan persekolahan kepada semua pelajar asnaf yang turut diiringi oleh Guru Besar di atas pentas. Majlis berakhir dengan sesi penyampaian plak SWADD kepada SRA Jalan Raja Muda sebagai tanda perhargaan di atas kerjasama yang diberikan.

# *Sekalung Penghargaan*






Encik Sapuan Daman


Encik Ahmad Zainal Mohamad Tajie





Pengerusi & Jawatankuasa SWADD 2018-2020 merakamkan penghargaan terima kasih kepada Encik Sapuan Daman dan Encik Ahmad Zainal Mohamad Tajie atas sumbangan tenaga sebagai ahli jawatankuasa sesi 2016-2018 yang lepas. Semoga Allah memberkati atas amal kebaikan yang dilakukan.

# KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

## KULIAH ZOHOR



**Ustaz Abdul Rahim Nasir**
Hari Isnin minggu pertama
"Kitab Iman & Kehidupan"



**Ustaz Haji Anuar Elias**
Hari Selasa minggu pertama
"Fiqh Muamalat : Fiqh Manhaji "



**Ustaz Salehuddin Abu Samah**
Hari Rabu minggu pertama
"Fiqh Solat : Kitab al-Muktamad"



**Ustaz Awang Mamat**
Hari Khamis minggu pertama & ke-3
"Kitab Fiqh Kekeluargaan & Minhajul Abidin"



**Ustaz Ikram Badardin**
Hari Isnin minggu ke-2
"Kitab Kehidupan Para Sahabat"



**Ustaz Mohd Zaki Zulkifli**
Hari Selasa minggu ke 2
"Kitab Adillatun Nurain"



**Ustaz Haji Mohamad Faiz Ibrahim**
Hari Rabu minggu ke-2
"Perubatan Islam"



**Ustaz Haji Mohd Nazri Chik**
Hari Khamis minggu ke-2
"Kitab Tafsir Ayat Ahkam As-Sobuni"



**Ustaz Abdul Aziz Arof**
Hari Isnin minggu ke-3
"Kitab Sirah Nabawiyah"



**Ustaz Mohd Juzaili Juhan**
Hari Selasa minggu ke-4
"Kitab Bulugh al-Maram"



**Ustaz Imam Muda Hafiz**
Hari Rabu minggu ke-3
"Kitab Tazkirah Imam Qurthuby"



**Ustaz Nor Raihan Aziz**
Hari Khamis minggu ke-4
"Kitab Bahrul Mazi"

## HALAQAH JUMAAT



**Ustaz Ahmad Rosidi Mohmad & Imam Muda Aran**
"Indahnya Hidup Bersyariat: Akhlak yang Terpuji"
21 Julai 2017



**Imam Muda Syed Faris & Daie Aiman Aezman**
"Saya Mestilah Hidup Sebagai Seorang Muslim"
23 Februari 2018

## BICARA MUFTI



Sahibus Samahah Datuk Dr
**Zulkifli Mohamad Al-Bakri**
(Mufti Wilayah Persekutuan)
Hari Isnin Setiap bulan,
minggu keempat

# KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

## KULIAH PERDANA



**Ustaz Haslin Baharim**
"Syawal Bulan Kemenangan"
18 Julai 2017



**Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari Al-Makki**
"Hikmah Musibah"
19 September 2017



**Ustaz Wan Sohor Bani Leman**
"Amalan Dunia, Gambaran Akhirat"
21 November 2017



**Ustaz Mohd Zarifi Mohamad Daud**
"Infaq Menjamin Keberkatan Hidup"
19 Disember 2017



**Ustaz Dato Abu Hassan Din**
"Akaun Akhirat"
23 Januari 2018



**Ustaz Ghazali Ibrahim**
"Jom Bermuamalah"
20 Februari 2018



**Ustaz Elyas Ismail**
"4 Golongan Pelik Tapi Benar"
20 Mac 2018



**Ustaz Roslan Mohamed**
"Ke Arah Mukmin Bertaqwa"
24 April 2018



**Ustaz Syed Norhisham Tuan Padang**
"Countdown Ramadan"
16 Mei 2018



**Ustaz Dr Sukki Othman**
"Syawal Bulan Kemenangan"
27 Jun 2018



**Ustaz Wadi Anuar**
"Peristiwa Akhir Zaman"
28 Ogos 2018



**Ustaz Dato Ismail Kamus**
"Roh Yang Tergantung"
27 September 2018



**Ustaz Harryanto Rizal Lokman**
"Keberkatan Dalam Bekerja"
30 Oktober 2018



**PU Izzat Fathi Hisham**
"Mati Suatu Destinasi"
27 November 2018



**Ustaz Rozie Rejab**
"Rahsia Al-Quran"
26 Disember 2018

## FORUM PERDANA



**Ustaz Ahmad Husni Abd Rahman**
**& Imam Muda Fakhrul**
"Dunia Di Tangan, Di Hati Jangan"
24 Oktober 2017



**Pencetus Ummah Azman Syah**
**& Imam Muda Asyraf**
"Islam Agama Kasih Sayang"
17 Julai 2018

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :

إِذَا مَرَرْتُم بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ
فَارْتَعُوا قَالُوا وَمَا رِيَاضُ
الْجَنَّةِ قَالَ حِلَقُ الذِّكْرِ.

Nabi SAW bersabda :
*"Jika kalian melalui taman-taman syurga maka berhentilah. Mereka bertanya, Apakah taman syurga itu? Baginda menjawab, halaqah zikir (majlis Ilmu)."*

(Riwayat Imam Al Tirmizi)

# KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

## KULIAH ANTARABANGSA



**Sheikh Dr Hisham Kamil Hamid Musa Asy-Syafiee Al-Azhari**
*- Ulamak Al-Azhar, Mesir*
"Nasihat Agama"
22 Januari 2018



**Sheikh Muhammad Aslam**
*- Imam dan Khatib di Lozells Central Mosque, UK.*
"The Hardships, Mercy And Forgiveness of The Prophet"
16 Mac 2018



**Sheikh Ahmad Al-Hajin Al-Hasani Al-Azhari**
*- Ulamak Al-Azhar, Mesir*
"Penyucian Jiwa"
25 Julai 2018



**Sheikh Mustofa An-Nadwi**
*- Anggota Majma' Buhuth Islamiah Al-Azhar, Mesir*
"Qalbun Salim"
18 Disember 2018

## KULIAH JUMAAT



**Ustaz Tarmizi Hj Ali**
"Quran Di Hatiku"
16 Jun 2017



**Tn Hj Kamarudin Abdullah**
"Manisnya Iman"
28 Julai 2017



**Dr Fauzi Deraman**
"Fenomena Lemah Iman"
18 Ogos 2017



**Ustaz Don Daniyal Don Biyajid**
"Quran Petunjuk Ilahi"
25 Ogos 2017



**Ustaz Hanafiah Abd Malek**
"Cabaran Seorang Daie"
15 September 2017



**Dr Azhar Yaacob**
"Rezeki 9/10"
3 November 2017



**Ustaz Muhammad Nazmi Abdul Karim**
"Baitul Maqdis Milik Umat Islam"
15 Disember 2017



**Ustaz Amirahman Abas**
"Al-Quran Sahabatku"
19 Januari 2018



**Bro Shahkirit**
"Islam The Best"
2 Mac 2018



**Ustaz Faisal Mustaffa**
"Cinta Allah, Jalan. Cinta Nabi, Tujuan"
7 Disember 2018

## KULIAH IFTAR



**Ustaz Hj Mohd Nazri Chik**
"Ramadan Madrasah Tarbiyah"
18 Mei 2018



**Ustaz Mohd Zikri Mohd Shairy**
"Musafir Gaya Hamka: Persediaan Balik Raya"
7 Jun 2018



**Ustaz Anuar Elias**
"Mujahadah Dalam Ibadah Kerja"
22 Mei 2018



**Ustaz Mohd Juzaili Juhan**
"Ramadan & Ibrah Perang Badar"
31 Mei 2018



**Ustaz Abdul Hadi Rofiee**
"Al-Quran Petunjuk Sepanjang Zaman"
1 Jun 2018

# KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

## KULIAH IJTIMAK BULANAN



**Ustaz Mohd Nazri Chik**
25 Januari 2018



**Ustaz Mohamad Faiz Ibrahim**
22 Februari 2018



**Ustaz Hud Saleh Huddin**
26 April 2018



**Ustaz Amir Akbar**
26 Julai 2018



**Ustaz Syairazi Mohamad Husni**
20 September 2018

---

## Hulurkan sumbangan anda melalui :

**1**

Nombor akaun:

BANK ISLAM

**140 140 101 463 30**
Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
Tabung Sumbangan

**2**

**SnapNPay**

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD)

**Langkah 1:**
Muat turun aplikasi SnapNPay di Play Store (Android) atau App Store (IOS)

**Langkah 2:**
Pilih Kategori Penerima:
a. Pihak berkuasa tempatan
b. Pembayaran penguatkuasaan
c. i-sedekah
d. Sadaqa House

**Langkah 3:**
Cara Pembayaran
a. Imbas imej QR
b. Pilih/masukkan amaun sumbangan.
c. Ikut langkah yang dipaparkan dan selesai.

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمۡوَٰلَهُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ
أَنۢبَتَتۡ سَبۡعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنۢبُلَةٖ مِّاْئَةُ حَبَّةٖۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ
لِمَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ٢٦١

"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya."
( Al-Baqarah : 261 )



*Pihak Pengurusan SWADD mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh jemaah di atas sumbangan dan derma yang diberikan kepada SWADD selama ini. Hanya ALLAH SWT membalas segalanya dengan ganjaran yang berlipat ganda di sisiNya.*

# TERBARU DI SWADD

## Tabung Jumaat



**12 Unit tabung tambahan bagi memudahkan jemaah menyumbang**

## Air Minuman




**Air minuman bagi para jemaah untuk minum sambil menderma**

## Fruits For You







**Agihan buah-buahan kepada jemaah secara bulanan pada hari Jumaat.**

---

Sumbangan tanpa tunai terus daripada akaun bank anda ke Sadaqa House Bank Islam.
Dibawa khas oleh Bank Islam dan SnapNPay

Sadaqa House Bank Islam

### Langkah 1:

Muat turun aplikasi SnapNPay di Play Store (Android) atau App Store (IOS)

### Langkah 2:

Pilih Kategori Penerima:
a. Pihak berkuasa tempatan
b. Pembayaran penguatkuasaan
c. i-sedekah
d. Sadaqa House

### Langkah 3:

Cara Pembayaran
a. Imbas imej QR
b. Pilih/masukkan amaun sumbangan.
c. Ikut langkah yang dipaparkan dan selesai.

# SWADD @ MEDIA BARU




Laman Web Rasmi Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
***www.swadd.com.my***







Layari Facebook Rasmi Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
***Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam***

Follow IG Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
***swadd_mbi***